



**TEKS UCAPAN
YBRS. TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S**

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.1/2022**

28 JANUARI 2022, JUMAAT

09:00 PAGI SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato'
Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.1/2022 bagi bulan Januari** pada pagi yang berbahagia ini.

1. UCAPAN SEMPENA TAHUN BAHARU 2022

- 1.1. Alhamdulillah kita masih dikurniakan umur yang panjang dan kesihatan yang sejahtera untuk melangkah ke tahun baharu ini. Pada saban tahun, kita menyambut tahun baharu dengan menilai semula kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang dilalui sepanjang tahun 2021.

- 1.2. Sepanjang tahun 2021, keutamaan MPS adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah berterusan dan terbaik kepada masyarakat di seluruh pentadbiran Selayang. Kita juga memberi fokus kepada aspek keselamatan ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19 untuk memastikan masyarakat selamat terutamanya ketika berada di tempat-tempat awam di bawah pentadbiran MPS.

1.3. Selain itu juga, saya percaya warga kerja MPS serta tuan-tuan dan puan-puan semua telahpun bertungkus lumus dalam melaksanakan semua perancangan yang telah direncanakan sepanjang tahun 2021. Jadi, saya berharap pada tahun 2022 ini kita semua dapat terus melipat gandakan usaha dan meningkatkan perkhidmatan masing-masing demi nama baik dan imej MPS.

2. 25 TAHUN MPS PENUH KEMAKMURAN

2.1 Alhamdulillah pada 1 Januari 2022 Majlis Perbandaran Selayang menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-25. Banyak transformasi, cabaran suka dan duka berjaya diharungi oleh MPS yang menjadikan kita sebuah perbandaran yang mampan dan makmur seperti hari ini.

2.2 Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja MPS yang telah menyumbang bakti

dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat di bawah perbandaran Selayang.

- 2.3 Untuk makluman, sempena sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS, pelbagai program telah direncanakan sepanjang tahun 2022 dan senarai program-program yang dirancang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan.
- 2.4 Untuk makluman juga, semalam kita baru sahaja mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat yang diadakan di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves sempena Sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS dimana majlis ini turut dihadiri oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor.
- 2.5 Alhamdulillah majlis tersebut berjalan lancar dan secara tidak langsung menjadi pengenalan kepada orang ramai khususnya warga perbandaran Selayang berkaitan sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

3. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 3.1 Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM 104.03 juta (95.44%) daripada RM 109 juta.
- 3.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 6.5 juta (79.98%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 8.15 juta.
- 3.3 MPS juga telah mengeluarkan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM 100.00 kepada pemilik kawasan komersial dan industri yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 21 Oktober 2021. Sebanyak 18,349 waran telah dikeluarkan dan sehingga 31 Disember 2021, semua waran telah selesai dihantar.

3.4 Untuk makluman, MPS dalam tindakan sitaan harta alih bagi pegangan yang masih mempunyai tunggakan setelah waran diserah.

3.5 Untuk makluman juga, MPS telah mengeluarkan Bil Cukai Taksiran Bagi Penggal 1/2022 secara digital pada 15 Disember 2021. Semakan dan bayaran boleh di buat melalui portal MyMPS. Semua pihak diminta menyebar luaskan berkaitan bil cukai taksiran secara digital ini kepada orang awam.

4. PERBAHARUI DAN MEMBAYAR LESEN PERNIAGAAN, SEWAAN GERAJ, PERMIT BANGUNAN SERTA PERANCANG DI PORTAL MYMPS

4.1 Untuk makluman semua, MPS juga telah menaiktaraf portal MyMPS bagi para peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan serta perancang. Untuk makluman, jumlah kutipan yang diterima sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

- Lesen perniagaan sebanyak RM 7.9 juta
- Sewaan gerai sebanyak RM 9 juta
- Permit Bangunan dan Perancang sebanyak RM 67,472.00

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

5. PEMAKLUMAN PEMBAHARUAN LESEN 2022

5.1 Seterusnya, bagi aktiviti pembaharuan lesen 2022, tarikh akhir bagi pembaharuan lesen telah dilanjutkan sehingga 31 Mac 2022. Pembayaran selepas tarikh ini akan dikenakan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah lesen. Jadi, saya berharap semua pemegang lesen maklum mengenai tarikh akhir ini dan semua Ahli Majlis dapat membantu untuk menwar-warkan di zon masing-masing.

6. PEMAKLUMAN TIADA PENJUALAN PERMIT PERNIAGAAN THAIPUSAM 2022

- 6.1 Seperti semua sedia maklum, perayaan Thaipusam pada tahun ini telah disambut mengikut arahan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh kerajaan.
- 6.2 Melalui SOP ini, aktiviti sambutan perayaan seperti tahun-tahun yang lalu adalah tidak dibenarkan dan MPS tidak mengeluarkan sebarang permit untuk petak-petak niaga Thaipusam seperti tahun-tahun sebelum ini.

7. PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN KILANG TANPA KEBENARAN MPS

- 7.1 Satu Sesi Taklimat Program Pematuhan Syarat dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Bagi Kawasan Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 25 Januari 2022 secara dalam talian.

- 7.2 Seramai 100 orang peserta telah menghadiri taklimat ini yang melibatkan pengusaha premis dan pemilik tanah di kawasan Tanah Gantian Sungai Tua.
- 7.3 Seperti semua sedia maklum, Kerajaan Negeri memandang serius isu kilang tanpa kebenaran di negeri Selangor. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap semua pemilik berdaftar dan pemilik kilang tanpa kebenaran sekiranya tidak mematuhi program pematuhan syarat dan penguatkuasaan kilang tanpa kebenaran ini.
- 7.4 Saya berharap dengan adanya taklimat ini semua pemilik-pemilik tanah/premis dapat memberi kerjasama bagi menyelesaikan isu pemutihan kilang yang dibina dan beroperasi mengikut syarat yang ditetapkan.

8. UCAPAN SELAMAT TAHUN BARU CINA

8.1 Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua Ahli Majlis yang menyambutnya. Semoga sambutan tahun ini, membawa kemakmuran, kegembiraan dan kebahagiaan kepada anda semua dan keluarga.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh